

04 SEP 1996

Asean-Myanmar

MALAYSIA AKAN BERBINCANG MENGENAI KEANGGOTAAN MYANMAR

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak lama lagi akan memulakan perbincangan dengan rakan-rakan negara Asean mengenai cadangan kemasukan Myanmar sebagai anggota kumpulan itu sempena menyambut ulangtahun ke-30 penubuhannya tahun depan.

Satu sumber Kementerian Luar hari ini berkata Malaysia mahu mendapatkan pandangan negara anggota Asean lain mengenai perkara itu.

"Sebagai satu pertubuhan yang mengambil keputusan atas persetujuan ramai adalah wajar bagi kami membincangkan perkara itu untuk melihat reaksi anggota lain kerana mungkin ada yang membangkitkan kebimbangan mengenai keanggotaan Myanmar," katanya semasa dihubungi hari ini.

Perbincangan itu akan bermula "sama ada bulan ini atau bulan depan", katanya.

Asean kini terdiri daripada Brunei, Singapore, Thailand, Indonesia, Vietnam, Filipina dan Malaysia.

Myanmar, Kemboja dan Laos telah menyatakan minat mereka untuk menyertai Asean.

Myanmar diberikan status pemerhati pada mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean di Jakarta Julai lepas.

Asean sememangnya mengamalkan dasar hubungan konstruktif yang ia percaya hanya melalui hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Myanmar boleh membantu mengubah dasar pentadbiran ketenteraan negara itu.

Malaysia perlu mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan negara-negara anggota yang lain kerana ia merupakan antara negara Asean pertama menyuarakan sokongannya terhadap kemasukan Myanmar dalam Asean. Indonesia merupakan sebuah lagi negara anggota yang menyuarakan sokongannya terhadap idea itu.

Malaysia mengulangi sokongannya itu semasa lawatan Pengerusi Majlis Undang-undang Negara dan Pemulihan Ketenteraman Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe ke Malaysia bulan lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata Malaysia akan membantu kemasukan Myanmar dalam Asean dan berharap ia akan direalisasikan tahun depan sempena sambutan ulangtahun itu dan untuk membolehkan kumpulan berkenaan menggabungkan kesemua 10 negara dalam Asia Tenggara termasuk Kemboja dan Laos.

Dr Mahathir juga berkata kemungkinan beberapa negara anggota akan membantah tetapi tidaklah begitu kuat. Mereka yang cuba menghalang kemasukan Myanmar adalah negara-negara asing, katanya.

Sumber itu juga berkata beberapa negara anggota mungkin membantah kerana mereka mempunyai tanggapan bahawa kemasukan Myanmar boleh melambatkan pergerakan mereka.

Satu lagi sumber berkata walaupun akan ada bantahan, Asean lambat-laun akan menerima kemasukan Myanmar.

Ini berdasarkan pernyataan bersama Mesyuarat Menteri Luar Asean di Jakarta yang mengulangi keazaman mereka untuk meningkatkan kerjasama dengan Kemboja, Laos dan Myanmar dalam membantu persediaan mereka menjadi anggota Asean. -- BERNAMA

ARA RON